

Pelajar digalakkan disertai khidmat masyarakat

um 20.5.2015 26

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA

utusanabah@utusan.com.my

■ KOTA KINABALU 19 MEI

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) mengorak langkah dalam menyahut seruan Kementerian Pendidikan bagi memasyarakatkan mahasiswa melalui Program Khidmat Masyarakat.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah (**gambar**) berkata, pendekatan itu juga sekali gus membantu UMS mendekatkan diri dengan masyarakat serta merangsang minat dalam kalangan pelajar sekolah untuk melanjutkan pengajian ke universiti awam khususnya UMS.

Menurutnya, ini sejajar dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) kementerian yang mahu mahasiswa keluar daripada kepom-

pong kampus dengan melibatkan diri dalam jalinan komuniti.

“Kita tidak mahu seseorang mahasiswa itu hanya juara dalam bidang akademik tetapi tiada penglibatan untuk mendekati dan melihat dunia kemasyarakatan. Ini yang mahu kita terapkan iaitu mahasiswa mendekati masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Jaringan Masyarakat di Kampung Gudon, Menggatal dekat sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Pemangku Pendaftar UMS, No'man Ahmad.

Jelas beliau, penglibatan warga UMS melalui aktiviti kemasyarakatan amat disokong apalagi perkara itu dilihat sebagai pemangkin ke-



arah meningkatkan kemahiran.

“Tahniah kepada penganjur yang menjayakan program ini (Program Jaringan Masyarakat). Kita amat berharap usaha ini dapat mendekatkan UMS kepada masyarakat,” tambahnya.



Kita tidak mahu seseorang mahasiswa itu hanya juara dalam bidang akademik tetapi tiada penglibatan untuk mendekati dan melihat dunia kemasyarakatan. Ini yang mahu kita terapkan iaitu mahasiswa mendekati masyarakat.”

MOHD. HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS